



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OGOS 2026

JAUHI JUDI DALAM PERTANDINGAN 7 OGOS 2026 / 23 SAFAR 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Khutbah pada hari ini akan membicarakan isu judi dalam pertandingan. Islam menggalakkan umatnya bersukan, beriadah dan menyertai pertandingan yang sihat kerana ia dapat membina kekuatan fizikal, kecergasan minda dan semangat ukhwah. Namun demikian, Islam

melarang segala bentuk pertandingan yang dicemari dengan unsur perjudian dan pertarungan wang yang membawa kepada permusuhan, ketagihan dan kerosakan masyarakat. Allah ﷻ dengan tegas mengharamkan judi sebagaimana firman-Nya dalam surat al-Maidah ayat 90:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلٍ

الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Yang bermaksud: *"Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang anak panah adalah kotor daripada amalan syaitan. Maka jauhilah ia supaya kamu berjaya."*

Ayat ini menunjukkan bahawa judi adalah perbuatan yang terkutuk daripada amalan syaitan. Selain daripada merupakan perbuatan yang haram, ia juga tergolong dalam dosa besar dan diperintahkan supaya dijaui sama sekali kerana ia merosakkan kehidupan manusia. Judi dalam bahasa Arab dikenali sebagai maisir atau qimar. Permainan judi juga ditakrifkan sebagai permainan dengan anak batu atau dengan dadu atau segala jenis pertarungan. Dalam Mausu'ah Fiqhiah Kuwaitiah, judi ialah

sesuatu yang manusia bertaruh atau bertanding dan mereka di dalam keadaan sama ada beroleh keuntungan atau kerugian.

Keputusan Muzakarah Majlis Kebangsaan Islam (Muzakarah MKI) menetapkan bahawa:

Pertama, pertandingan atau peraduan yang mengandungi unsur pertaruhan, nasib, eksploitasi atau wang penyertaan yang menjadi sumber hadiah adalah haram dan tergolong dalam perjudian (maisir).

Kedua, Muzakarah MKI Kali Ke-64 (2004) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-1/2009, menyatakan peraduan kuiz melalui SMS berhadiah dan seumpamanya diputuskan sebagai haram kerana termasuk dalam pengertian judi disebabkan mengandungi unsur pertaruhan, kesamaran dan bergantung kepada nasib.

Ketiga, bagi pertandingan yang memerlukan yuran penyertaan, para mufti dalam Muzakarah tersebut, menjelaskan bahawa jika yuran peserta dikumpulkan lalu diberikan kepada pemenang sebagai hadiah, maka wujud unsur qimar (pertaruhan/judi). Ia adalah kerana peserta yang kalah

menanggung kerugian manakala pemenang memperoleh manfaat daripada wang peserta lain.

Keempat, sebaliknya, pertandingan adalah harus jika hadiah ditaja oleh pihak ketiga yang tidak ada hubungan dengan pertandingan, dan yuran yang dikenakan hanya digunakan untuk kos pengurusan atau kemudahan peserta, bukan dijadikan hadiah kemenangan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah

Pada masa kini, selain daripada perjudian di pusat perjudian dan nombor ekor, unsur perjudian sering diselitkan dalam pelbagai pertandingan dan aktiviti hiburan. Ada pertandingan yang mensyaratkan peserta membayar sejumlah wang sebagai yuran, kemudian wang yang terkumpul itu diberikan kepada pemenang. Jika semua peserta mempertaruhkan wang masing-masing dan pemenang memperoleh hasil daripada wang yang dikumpulkan itu, maka ia termasuk dalam bentuk perjudian yang diharamkan oleh syarak. Ia boleh berlaku dalam pelbagai pertandingan sama ada bola sepak, badminton, golf, memancing dan lain-lain.

Begitu juga dengan ramalan keputusan perlawanan sukan, pertaruhan dalam permainan video, pertandingan teka berbayar, mesin tikam dan

pelbagai bentuk pertaruhan atas talian yang semakin berleluasa. Walaupun ia dilihat sebagai hiburan, hakikatnya ia mengandungi unsur mengambil harta orang lain tanpa hak, yang tidak diizinkan oleh syarak. Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 188 yang bermaksud: *“Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain antara kamu dengan jalan yang batil”*.

Perjudian menyebabkan seseorang memperoleh keuntungan tanpa usaha yang sebenar, sedangkan pihak yang kalah mengalami kerugian. Ia bertentangan dengan prinsip keadilan dan keberkatan yang dianjurkan oleh Islam. Rasulullah ﷺ juga mengingatkan umatnya agar menjauhi segala bentuk perjudian. Sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

وَمَنْ قَالَ لِصَاحِبِهِ: تَعَالَ أَقَامِرُكَ، فَلْيَتَصَدَّقْ

Yang bermaksud: *"Sesiapa yang berkata kepada kawannya: 'Marilah berjudi', maka hendaklah dia bersedekah."*

Hadis ini menunjukkan betapa Islam memandang serius perbuatan judi sehingga sekadar mengajak kepada perjudian pun memerlukan seseorang bertaubat dan bersedekah sebagai penebus kesalahan.



Ada yang bermula dengan pertaruhan kecil, dan secara suka-suka. Namun akibat normalisasi perbuatan judi, akhirnya terjebak dengan ketagihan judi sehingga berhutang, perpecahan rumah tangga dan jenayah. Allah ﷻ menjelaskan kesan buruk perjudian melalui firman-Nya dalam surah al-Maidah ayat 91 yang bermaksud;

"Sesungguhnya syaitan itu hanya bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu melalui arak dan judi, serta menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mendirikan solat. Mahukah kamu berhenti daripada perbuatan keji tersebut (atau kamu masih berdegil)"

Kita hendaklah mendidik ahli keluarga, anak-anak dan masyarakat supaya menjauhi budaya pertaruhan dalam sukan, permainan dan pertandingan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah ﷻ

Kesimpulan daripada khutbah hari ini ialah,

Pertama, judi adalah haram dan berdosa besar.

Kedua, hendaklah kita memastikan setiap pertandingan yang disertai, bebas daripada unsur pertaruhan dan perjudian.

Ketiga, para penganjur pertandingan hendaklah memastikan penganjuran mereka jauh daripada unsur perjudian.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ
وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ ۖ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.